



NAZA TTDI

Bakal lancar projek
RM1.4 bilion **Ms.B4**

Naza TTDI bakal lancar projek RM1.4b

➔ Pelaksanaan separuh kedua tahun ini selari strategi jadi pemaju hartanah pilihan di Malaysia

Oleh Ahmad Fiesal Othman

fsal@bh.com.my

Naza TTDI Sdn Bhd dalam persediaan melancarkan projek hartanah bernilai RM1.4 bilion pada separuh kedua tahun ini selari dengan strateginya untuk menjadi pemaju hartanah pilihan di Malaysia.

Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan, Kumpulan Naza TTDI, SM Faliq SM Nasimuddin, berkata pihaknya yakin pengumuman Bank Negara Malaysia baru-baru ini yang mengurangkan kadar dasar semalaman (OPR) daripada 3.25 peratus kepada 3 peratus akan menyemarakkan semangat pelabur hartanah yang sering mencari nilai yang bagus bagi pelaburan hartanah.

Pasaran hartanah Malaysia dalam pemulihan

Beliau berkata, pasaran hartanah Malaysia masih dalam pemulihan dan kejayaan pelancaran TTDI Segaris di Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur baru-baru ini adalah petunjuk pasaran yang sihat bagi hartanah dalam kawasan kejiranan yang dibangunkan dengan cemerlang.

“Jenama Naza TTDI yang

sangat sinonim dengan Taman Tun Dr Ismail terus menawarkan pelanggan dengan keyakinan yang tinggi yang mana nilai dan kualiti menjadi perhatian,” katanya dalam kenyataan di Shah Alam, Selangor, semalam.

Sementara itu, Alam Impian di Shah Alam bersedia untuk memperoleh pengalaman perbandaran baharu dengan bangunan residen pencakar langit pertamanya yang akan menyertai kejiranan itu tidak lama lagi dan satu lagi projek pertama Naza TTDI iaitu TTDI Olivina akan dilancarkan secara rasmi pada Ogos ini.

SM Faliq berkata, Naza TTDI memahami bahawa keutamaan pasaran untuk pembangunan hartanah yang berbeza sentiasa pada paras tinggi disebabkan keadaan pasaran kurang membe-rangsangkan.

Beliau berkata, sentimen pasaran yang secara relatifnya lemah menyebabkan pembeli dan pelabur hartanah lebih memilih ketika membeli dan hartanah dengan nilai sewa yang baik serta

mempunyai pelbagai akses yang meluas adalah mendapat permintaan yang tinggi.

“Kita melihat perkara itu sebagai kemajuan yang sihat untuk pasaran hartanah Malaysia bagi pembeli dan pemaju,” katanya.

Bangunkan 4.3 ekar tanah di KL Metropolis

Naza TTDI dalam proses membangunkan 4.3 ekar lagi tanah di KL Metropolis dengan nilai pembangunan kasar (GDV) bernilai RM1.2 bilion, merangkumi dua menara komersil dan satu residen berservis mewah.

“Kami sudah pasti memperoleh pembeli satu EN BLOC untuk satu daripada menara komersil bernilai RM300 juta dan kami dalam proses untuk menjamin satu lagi menara sebelum tahun ini berakhir,” dedah SM Faliq.

Sebanyak 615 unit residen berservis yang terletak di Jalan Sultan Abdul Halim (Jalan Duta) akan dilancarkan pada November tahun ini. Residen mewah terbahit terletak berdekatan kawasan kejiranan mewah lain seperti Bukit Damansara, Bangsar, Mont Kiara dan Sri Hartamas.

Naza TTDI

Info

→ **Ditubuhkan pada 1973**, Naza TTDI adalah cabang hartanah bagi Naza Corporation Holdings Sdn Bhd yang sebahagian nama syarikat diambil daripada Taman Tun Dr Ismail, kawasan perbandaran pemenang anugerah yang pertama dibangunkan.

→ **Syarikat memperluaskan** portfolio hartanahnya dengan memajukan projek berimpak tinggi seperti KL Metropolis, pembangunan campuran bersepadu bersepadu di Jalan Duta dan Platinum Park bernilai RM4 billion adalah projek pemban-

gunan utama Naza TTDI yang terletak di pusat bandar Kuala Lumpur.

→ **Naza TTDI** juga adalah penerima anugerah Asia Pacific Property Award, Cityscape Asia, FIABCI, ISO Certification MS9001:2008 dan QLASSIC Certification.



Jenama Naza TTDI sinonim dengan Taman Tun Dr Ismail terus tawar pelanggan dengan keyakinan tinggi yang nilai dan kualiti menjadi perhatian”

SM Faliq SM Nasimuddin,
Timbalan Pengerusi Eksekutif
dan Pengarah Urusan
Kumpulan Naza TTDI